

**PUSAT ASASI DAN PENGAJIAN UMUM  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

---

**MPU 2412 / MPU 3412 - KETERLIBATAN KOMUNITI**

**Panduan dan Kriteria Projek Akhir  
Pembikinan Video Aktiviti Komuniti (50%)**

**A) Maklumat umum:**

Setiap pelajar perlu membuat rakaman video semasa menjalankan tugas aktiviti komuniti di lokasi masing-masing. Rakaman video boleh dilakukan oleh individu lain yang membantu pelajar untuk merakam sepanjang aktiviti dijalankan. Bantuan daripada individu lain amat digalakkan bagi menjamin kualiti video yang dihasilkan. Memandangkan Penyelia Pelajar Komuniti (PPK) tidak dapat bersemuka untuk melihat sendiri pelajar menjalankan tugas aktiviti komuniti, maka, aktiviti komuniti yang dijalankan oleh pelajar akan dinilai berdasarkan rakaman video yang disediakan pelajar.

**B) Kandungan video**

Rakaman video perlu memperlihatkan **semua** aktiviti yang dijalankan sebagai bukti pelajar melaksanakan tugas kursus ini seperti yang ditetapkan. Semasa menjalankan tugas, pelajar boleh menerangkan secara ringkas mengenai aktiviti yang dijalankan, contohnya: lokasi, aktiviti, objektif, harapan, faedah, cabaran dan sebagainya. Proses suntingan (*editing*) yang kreatif amat digalakkan.

**C) Kriteria pemarkahan**

1. Kesesuaian lokasi (10%)
2. Aras kesukaran aktiviti yang dijalankan (15%)
3. Kepelbagaian aktiviti yang dilakukan (15%)
4. Kesungguhan dan lain-lain inisiatif (10%)

**Jumlah: 50%**

**D) Durasi video**

Durasi video yang terbaik ialah sekitar **10 minit**. Pelajar perlu bijak merancang dan menetapkan had masa rakaman setiap aktiviti dan penerangannya agar dapat dimuatkan dalam durasi tersebut.